



Mufti Johor, dalam fatwanya tatkala menjawab masalah menyentuh Quran dengan tidak berwudhu maka untuk jawapan pertanyaan yang dikemukakan kepadanya sebagaimana biasa ia membabit ke sana sini – membilangkan persatuan Islam Bandung itu boleh jadi orang-orang Qadyani atau pengikut-pengikut Qadyani. Orang tentu hairan bagaimana seorang mufti boleh membuat “fitnah”, kerana orang ramai tahu tidak ada pertubuhan yang hebat menentang Qadyani di Indonesia seperti yang dibuat oleh persatuan Islam. Adakah tuan mufti hanya jadi tukang raba– tidak mahu melihat kepada keadaan yang sebenar?

* * *

Sebuah akhbar harian Melayu yang baharu “Semenanjung” akan terbit pada awal tahun hadapan di Singapura. Dengan terbitnya rakan baharu ini maka orang ramai tentu bersukacita dan gembira kerana selama ini, terutamanya orang-orang Islam, termengkalan sahaja setiap masa mendengar fikiran dan berita dari satu pihak sahaja – mana-mana yang tidak diperkenan ini mereka masuk bakul terus. Jadi, adanya harian itu orang ramai berharap, tidaklah lagi seperti yang lalu, kerana awak seorang terus cuba menutup mulut orang.

* * *

Orang ramai sekarang harus tertanya-tanya kenapa maka ketika mahu berhenti akhbar Melayu tempatan ribut dengan segala surat-surat kirimannya tetapi apabila Shaykh Anwar diberhentikan maka akhbar itu senyap – tidak sepele pun perkaranya tersebut-sebut di dalam ruangan orang ramai.

Adakah ini ada apa-apanya di belakang? Kalau mahu...tanya kepada...

* * *

Cara “demokrasi yang terpimpin” di Indonesia, yang disebut dan dipandu oleh Sukarno ialah “Harian Indonesia Raya” yang berani membongkar perkara-perkara makan suap dan membawa perkara-perkara yang ada di sebalik layar kerajaan Indonesia terutamanya tentang perjalanan Sukarno sendiri – sekarang telah jadi korban iaitu akhbar itu ditahan kemudian daripada setahun lebih ketua pengarang akhbar itu telah jadi korban: Kalau begini apakah ini negara demokrasi atau negara diktator? – kita memandang diktator lebih hampir, Bung!

* * *

Suara-suara di Indonesia telah mulai timbul supaya kerajaan Indonesia memutuskan perhubungannya dengan negara-negara yang menyokong Belanda di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Irian Barat. Apakah Malaya juga akan ditolak mereka? – tentu wakil akhbar tempatan Singapura di Jakarta cari berita itu!!

* * *

Tuan Adi Mas telah menulis di dalam majalah Wartawan dengan berkata: “Kedatangan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu ini merupakan suatu faktor terbesar yang merubahkan susunan hidup masyarakat Melayu, kesusilaan dan ketatanegaraan, dan kerana itulah pandangan dan definisi umum terhadap agama dan sosial mengandungi batas-batas yang tertentu pula menurut pandangan dan pendapat masing-masing” masya-Allah Bung! Orang Islam mahu bilang apa kepada orang ini! Dan Tuan Mufti Johor apa tidak memperhatikan perkembangan yang ada sekarang? Islam dituduh dan terus dituduh menjadi faktor yang terbesar merubahkan susunan masyarakat orang Melayu! Apa kata orang Islam sekarang kalau anak-anak dari orangnya sendiri mengatakan agamanya menjadi sebab keruntuhan orang Melayu? Adakah kehendak mereka yang tidak runtuh itu bebas bergaul, bebas percampuran, bebas minum, bebas ber-*dancing*, bebas berzina dan segala-galanya dengan mengikut kemahuan nafsunya?! Kalau ini tentunya kemajuan syaitan yang dikehendaknya Bung! – Cemeti al-Farouk.